

## **Penggubalan akta berkaitan alam sekitar perlu disegerakan - PM**

Oleh Muhammad Yusri Muzamir dan Ahmad Suhael Adnan - Jun 5, 2022 @ 12:53pm  
[bhnews@bh.com.my](mailto:bhnews@bh.com.my)

KUALA LUMPUR: Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob mahu Kementerian Alam Sekitar dan Air (KASA) segera membentangkan perkembangan terkini penggubalan akta berkaitan alam sekitar, pada mesyuarat Kabinet Rabu ini.

Perdana Menteri berkata, ini kerana Malaysia sudah sekian lama membincangkan perihal penggubalan akta berkaitan alam sekitar, namun pihaknya belum menerima sebarang maklum balas terperinci mengenainya.

"Saya akan tekankan supaya undang-undang alam sekitar ini perlu disegerakan pada mesyuarat Kabinet Rabu ini, kerana kita tahu banyak pencerobohan dan sebagainya yang berlaku.

"Di sini (Taman Tugu Negara) contohnya difahamkan adalah tempat pembuangan sampah haram. Sepatutnya kawasan hutan hujan ini dijaga dengan baik, tetapi dijadikan tempat pembuangan sampah.

"Perkara seperti inilah yang memerlukan undang-undang khas supaya tiada pelanggaran berkaitan alam sekitar," katanya ketika sidang media sempena sambutan Hari Alam Sekitar Sedunia, hari ini.

Sebelum ini, KASA dilapor menyiapkan kerangka undang-undang perubahan iklim yang akan menjadi asas kepada penggubalan Rang Undang-Undang (RUU) Perubahan Iklim negara.

Antara kandungan RUU berkenaan ialah tadbir urus yang mengandungi peruntukan mengenai kerangka institusi mengenai perubahan iklim negara dan pembentukan sebuah jawatankuasa perubahan iklim.

Selain Rang Undang-Undang (RUU) Perubahan Iklim, KASA juga dalam proses melakukan pindaan terhadap Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 (AKAS 1974) bertujuan menaikkan denda maksimum sehingga RM10 juta kepada pelaku jenayah pencemaran alam sekitar.

AKAS 1974 digubal untuk mencegah, menghapus, mengawal pencemaran, membaiki alam sekeliling dan bagi maksud yang berkaitan dengannya, dengan lima perkara utama diperuntukkan di bawah akta ini ialah pencemaran udara, pencemaran bunyi bising, pencemaran air, pencemaran tanah serta kawalan buangan terjadual.

Minggu lalu, Timbalan Menteri Alam Sekitar dan Air, Datuk Mansor Othman berkata, pihaknya dijangka membentangkan pindaan AKAS 1974 pada sidang Parlimen akan datang dalam usaha memperkasa penguatkuasaan alam sekitar.

Beliau memaklumkan draf pindaan akta itu kini berada di Pejabat Peguam Negara sebelum dibentangkan di Parlimen.

Dalam pada itu, Perdana Menteri ketika ditanya mengenai pendedahan BH berhubung ramalan Malaysia mengalami cuaca ekstrem menjelang 10 tahun lagi, menjangkakan perubahan iklim akan berlaku lebih teruk bagi tempoh sedekad dari sekarang.

Sehubungan itu, katanya, semua pihak perlu menjaga kelestarian alam sekitar dalam usaha meminimumkan impak daripada perubahan iklim.

Beliau berkata, ramalan cuaca ekstrem bukan setakat di Malaysia, tetapi seluruh dunia mengalami perubahan iklim yang ketika ini kesannya sudah dapat dilihat dan rasai.

"Malah, beberapa kawasan dilanda banjir walaupun dahulunya tidak berlaku. Dulu kita boleh jangka monsun timur laut antara November hingga Januari, namun kini berlaku pada bila-bila masa. Di Kuala Lumpur pula berlaku banjir kilat kerana hujan lebat.

"Ini menunjukkan perubahan iklim sudah mula berlaku dan 10 tahun akan datang kita jangka akan lebih teruk lagi sebab itulah kita perlu menjaga alam sekitar.

"Bagi pelan jangka pendek, KASA sedang sediakan (pelan rancangan) membabitkan projek tebatan banjir. Di Kuala Lumpur, saya dimaklumkan oleh Shahidan (Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Seri Shahidan Kassim) bahawa projek tebatan banjir sudah dimulakan bagi mengelak kejadian banjir kilat," katanya.



Ismail Sabri Yaakob (kiri) bergambar bersama plak Sambutan Hari Alam Sekitar Sedunia 2022 di Taman Tugu hari ini. Turut hadir Menteri Kewangan, Tengku Datuk Seri Zafrul Tengku Abdul Aziz (kanan). - BERNAMA